

Headline	Berkat hasil menjahit, sawit		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	24 Sep 2013	Circulation	324,097
Section	Setempat	Readership	1,981,000
Page No	29	ArticleSize	156 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 5,761
Journalist	Fazurawati Che Lah	PR Value	RM 17,284
Frequency	Daily		



Berkat hasil menjahit, sawit

■ Simpanan sejak 30 tahun lalu bawa suami isteri ke Makkah

oleh Fazurawati Che Lah

mampuan ke sana (Makkah) sekiranya wang tidak cukup.

“Dari kesusahan itulah saya dan suami bekerja bersungguh-sungguh walau pun hanya dapat menyimpan dalam jumlah yang sedikit kerana perlu menampung lima anak yang makin membesar,” katanya ditemui, semalam.

Katanya, dia juga tidak menyangka hasratnya itu tercapai selepas menerima surat tawaran daripada Tabung Haji kerana gilirannya tiga tahun lagi.

“Alhamdulillah sudah sampai seru kami berdua ke sana sementara masih dalam keadaan sihat.

“Inilah yang kami minta dari Tuhan supaya masih dalam keadaan sihat untuk menjalani ibadat berkenaan,” katanya.

Menurut Salamah, dia tidak sabar melihat Kaabah dan berharap mendapat haji mabruk sepanjang menjalani ibadat berkenaan.

Hasil menjahit dan ladang sawit sejak 30 tahun membuka peluang saya dan suami mengerjakan haji kali pertama.

“Alhamdulillah hasrat terpendam sejak dulu akhirnya dimakbulkan Tuhan,” luah bakal haji Salamah Karim, 56, dari Tanjung Karang, Selangor.

Salamah berangkat ke Tanah Suci ditemani suami Ismail Mardi, 68.

Katanya, setiap hari selepas solat dia dan suami tidak pernah putus memo-hon dapat menuaikan Ru-kun Islam kelima itu.

“Bukan senang untuk kami yang kurang berke-

Headline	Berkat hasil menjahit, sawit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	29	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm ²
Journalist	Fazurawati Che Lah	AdValue	RM 5,761
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,284

